


[FOTO SHAHRINNAHAR LATIB/BH]



Daing Nasir (dua dari kiri) dan Takahashi bertukar dokumen pada majlis memeterai MoU di Kuantan, Selasa lalu.

Kerjasama strategik UMP, syarikat Jepun

BERITA HARIAN (WILAYAH) 21 OKT 2016 M/S 32

Universiti, Asahitechno jalan R&D bersama berkaitan pembaikan tanah

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

Kuantan

Universiti Malaysia PAHANG (UMP) mengadakan kerjasama strategik dengan syarikat dari Jepun, Asahitechno Co Ltd (Asahitechno), bagi membolehkan kedua-dua pihak menjalankan kajian dan penyelidikan (R&D) dan pembangunan bersama.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata sebagai universiti teknikal yang komited kepada kecermerlangan pendidikan, kerjasama itu dapat memperkuatkuhan lagi hubungan antara universiti dan industri pada persada antarabangsa.

"Asahitechno adalah syarikat pembinaan dan pengurusan tanah utama di Jepun, ini membolehkan kita menjalankan penyelidikan bersama mengenai pembaikan tanah dalam pembinaan serta pertukaran penemuan akademik dan penerbitan yang berkaitan pembaikan

tanah," katanya di sini, semalam.

Daing Nasir berkata, kerjasama itu dimeterai menerusi memorandum persefahaman (MoU) pada Selasa lalu, antara pihaknya dengan Presiden Asahitechno, Shigeyoshi Takahashi.

Cipta teknologi inovatif

Beliau berkata, syarikat berkecuaan banyak mencipta teknologi inovatif berkaitan pembinaan kaedah mengurangkan aras air dalam tanah untuk tujuan pembinaan.

Katanya, perkongsian kepakaran berkaitan industri dan kecekapan teknikal berkaitan penting dalam menyumbangkan kepada pertumbuhan negara.

"Adalah penting bagi UMP untuk bekerjasama dengan rakan strategik dari industri memperkayakan kepakaran teknikal dan meningkatkan keupayaan penyelidikan.

"Dengan pertumbuhan program dalam industri pembinaan di kedua-dua negara, peneka-

nan terhadap teknologi baharu dan inovasi adalah penting untuk memastikan kemapanan industri ini sesuai dengan ekosistem ekonomi semasa," kata-

Tingkat kebolehpasaran

Sementara itu, beliau berkata, Program Minggu CEO@Fakulti UMP selama empat hari berakhir semalam, menampilkan Pengarah Urusan, Motorola Solutions (M) Sdn Bhd, Dr Hari Narayanan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Ir Azman Mohd yang berkongsi pengalaman masing-masing dengan pelajar.

"Perkongsian pengalaman dan kepakaran daripada pemimpin industri seperti ini dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pelbagai input secara terus daripada pihak industri yang mana ianya berguna dalam dunia kerjaya selain mampu meningkatkan kebolehpasaran dalam kalangan graduan kelak," katanya.